

01/01/1999

Dividen ASN 6.5 peratus

KUALA LUMPUR, Khamis - Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan dividen 6.5 peratus bagi pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) sepanjang 1998, turun empat peratus berbanding 10.5 peratus pada 1997.

Pengumuman itu dibuat Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid bagi pihak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera, syarikat induk PNB.

Ahmad Sarji berkata, kadar dividen itu adalah berdasarkan pembayaran dividen bersih selepas cukai berjumlah RM153.595 juta berbanding RM116.025 juta pada 1997.

Menurutnya, pulangan pelaburan ASN dalam bentuk dividen itu memberi peluang kepada pelabur supaya terus meningkatkan pelaburan mereka dan ia adalah berpatutan bagi jenis pelaburan jangka panjang serta mempunyai risiko sangat rendah.

"Meskipun kadar dividen lebih rendah berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak empat peratus daripada 10.5 peratus, jumlah pembayaran sebenar meningkat 32.38 peratus," katanya ketika mengumumkan dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1998, hari ini.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman.

Ahmad Sarji berkata, Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), sebagai pengurus skim ASN memperolehi keuntungan yang boleh diagih kepada pemegang unit berjumlah RM149.26 juta berbanding RM138.20 juta pada 1997.

Pelabur boleh meraih pulangan pelaburan mereka dalam bentuk keuntungan modal apabila sebut harga ASN meningkat lebih daripada kos belian oleh pelabur.

Oleh itu, katanya, pelabur perlu mengambil kesempatan daripada pergerakan turun naik harga ASN di pasaran modal untuk menikmati keuntungan daripada pelaburan mereka.

"Sebagai contoh, harga ASN yang dibeli pada paras tertinggi iaitu 84 sen pada Februari membolehkan pelabur mendapat pulangan 7.7 peratus manakala harga terendah iaitu 45 sen pada September pula membolehkan mereka mendapat 9.28 peratus," katanya.

Ahmad Sarji berkata, walaupun keadaan ekonomi dan pasaran saham tempatan kurang memberangsangkan sepanjang 1998, ASN sebaliknya mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelabur.

Ini berdasarkan pertambahan dalam pegangan unit pelaburan sebanyak 113.85 peratus kepada 2.363 bilion baru-baru ini berbanding 1.105 bilion unit pada awal 1998, katanya.

(END)